



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KENDURI 1WP PUTRAJAYA ERATKAN HUBUNGAN PEMIMPIN DAN KOMUNITI

**PUTRAJAYA, 11 Februari 2018** – Seramai 3,000 penduduk sekitar Putrajaya menghadiri Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang diadakan di Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 hari ini. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan turut turun padang untuk bersama-sama komuniti menyertai aktiviti memasak di program tersebut. Pengajuran program ini adalah bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 dan ia juga merupakan program yang paling mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. SHWP 2018 masih mengekalkan tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” kerana dilihat dapat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat serta menambahkan semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warganya.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mensejahterakan penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Antara inisiatif yang dibuat adalah telah menaik taraf lif di kawasan perumahan Fasa 1C, Presint 16 dan perumahan fasa 1 hingga 4 di Presint 9. Pada tahun ini, lif di Presint 8 dan Presint 11 pula akan dinaik tarafkan bagi memberi keselesaan kepada penduduk.

Selain itu, Pembinaan parkir bertingkat juga akan dibina bagi mengatasi masalah kekurangan tempat meletak kenderaan terutama di kawasan perumahan yang padat. Kerajaan akan membina parkir bertingkat di Presint 8 yang boleh memuatkan sebanyak 120 petak parkir dan di Presint 9 sebanyak 350 petak parkir.

Bagi membantu mengurangkan kos perbelanjaan membeli barang keperluan harian penduduk pula, program Pekan Sehari@ Presint 11 Putrajaya yang diadakan pada setiap hari Ahad dibuat dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Kementerian Wilayah Persekutuan (MPPKWP) yang menawarkan penjualan barang keperluan harian pada kadar harga yang lebih rendah.

Semua inisiatif yang dibuat ini adalah tanda keprihatinan kerajaan di dalam memastikan penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya mendapat kemudahan dan keselesaan persekitaran yang lebih kondusif. Sebanyak 35 program sempena SHWP telah disusun sepanjang bulan Februari ini yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat sukan dan rekreasi serta program tanggungjawab sosial masyarakat.

**Disediakan oleh**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**